

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING**  
**[TAIPING]**

**TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa jumlah fee guaman dan kos yang dibayar kepada peguam Shafie Abdullah dalam mengendalikan pendakwaan dalam kes Dato Seri Anwar Ibrahim v PP.**

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peguambela, Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah telah diambil berkhidmat oleh Kerajaan Malaysia berdasarkan pengalaman dan kepakarannya dalam mengendalikan kes-kes jenayah.
2. Pengalaman beliau sebagai Timbalan Pendakwa Raya pada suatu ketika dahulu dan kini sebagai peguambela dilihat sebagai nilai tambah (*value added*) dalam mengendalikan kes melibatkan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan baru-baru ini.
3. Persoalan berhubung jumlah bayaran ke atas perkhidmatan beliau ini telah banyak kali dibangkitkan di dewan yang mulia ini. Namun, jawapan yang telah saya kemukakan sebelum ini adalah "*Jumlah bayaran tersebut tidak boleh didedahkan bagi menghormati etika hubungan profesionalisme dan kerahsiaan antara majikan dengan pelanggan.*"
4. Ingin saya maklumkan bahawa pendedahan jumlah bayaran bagi perkhidmatan beliau hanya boleh dibuat atas persetujuan kedua-dua pihak yang terlibat, iaitu Jabatan Peguam Negara dan Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah sendiri.

5. Sehubungan dengan itu, berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak, dimaklumkan bahawa jumlah pembayaran untuk perkhidmatan yang telah diberikan oleh Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah adalah sebanyak RM1,000.

Sekian, terima kasih.